



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

10 JANUARI 2021

1. Anak diejek dapat ugutan
2. Kahwin arnab secara intensif
3. Bunting lapan kali setahun

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

ISU KARTEL DAGING IMPORT

ANAK DIEJEK, DAPAT UGUTAN

Pengasas Raihanah Cold Storage menuntut ganti rugi RM50j terhadap pemilik FB sebar fitnah

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

Petaling Jaya

Pengasas syarikat Raihanah Cold Storage Sdn Bhd menuntut ganti rugi RM50 juta dan permohonan maaf daripada pemilik akaun Facebook (FB) Zaharin Mohd Yasin yang didakwa memfitnah mereka berkaitan isu kartel daging import tidak halal.

Tuntutan itu dikemukakan oleh Rahman Sheikh Abdullah, 44, dan isterinya Raihanah Kasim, 42, serta syarikat mereka menerusi peguam Datuk Mohd Haaziq Pillay.

Mereka juga menuntut Zaharin menarik balik kenyataan didakwa memfitnah berkaitan isu berkenaan.

Mohd Haaziq berkata, paparan di FB Zaharin yang memfitnah anak guamnya bertarikh 25 Disember 2020 yang antara butirannya 'Isu daging tidak halal bukan perbuatan orang bukan Islam. Tetapi dilakukan orang Islam. Syarikat milik orang Islam.'

"Paparan itu melampirkan gambar anak guam saya, Rahman dan turut terpapar lampiran dokumen carian Suruhanjaya Syari-



Mereka adalah pemilik syarikat Bumiputera Melayu yang bukan pengimport daging"

Mohd Haaziq

kat Malaysia (SSM) mengenai butiran syarikat Raihanah Cold Storage Sdn Bhd termasuk nama penuh dan nombor MyKad Raihanah.

"Jika saya tak kenal mereka, saya juga akan beranggapan bahawa syarikat ini menjual daging haram. Mereka terima banyak cacian melalui FB dan WhatsApp mereka sendiri seperti bertanya ada daging kangaru tak? Ada daging babi? dan sebagainya.

"Sedangkan, mereka adalah pemilik syarikat Bumiputera Melayu yang bukan pengimport daging, mereka tidak ada permit import syarikat (AP) untuk import daging. Mereka hanya membekalkan sahaja.

"Pihak yang terbabit dengan kartel penjualan daging haram adalah orang lain. Jika anak guam saya terbabit, mereka tidak boleh ada di sini petang ini," katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Hadir sama, Rahman dan

Raihanah.

Mohd Haaziq berkata, pihaknya melalui Tetuan JS Pillay & Mohd Haaziq sudah menghantar notis tuntutan komprehensif 20 muka surat kepada Zaharin kelmarin.

"Antara yang terkandung adalah tuntutan ganti rugi RM50 juta, perintah untuk menarik balik kenyataan itu, permohonan maaf di FB dan akujanji untuk tidak mengulangi kenyataan serupa.

"Pihak Zaharin juga diberikan tempoh selama lapan hari bermula semalam untuk menjawab tuntutan itu selain pihaknya merancang membawa kes berkenaan ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur," katanya.

Sementara itu, Rahman berkata, akibat perbuatan itu bukan sahaja menyebabkan perniagaannya jatuh merudum, malah dia sekeluarga diganggu emosi oleh beberapa pihak yang mempercayai kandungan di FB Zaharin.

"Malah anak-anak saya berusia antara 10 hingga 22 tahun diejek seperti ayah awak jual daging haram ke? Saya turut menerima ugutan bunuh dan laporan polis mengenainya sudah pun dibuat," katanya yang sudah terbabit dalam perniagaan daging selama 23 tahun.



'KAHWIN' ARNAB SECARA INTENSIF

Teknik penting pastikan penternak dapat tingkat margin pengeluaran daging setiap bulan



AGRO

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@hmetro.com.my

Tidak rumit, mudah diuruskan selain mampu tingkatkan produktiviti daging menerusi kaedah 'mating' (kahwinkan) menjadikan penternakan arnab satu prospek yang boleh membantu menjana pendapatan lebih baik.

Menurut Pengurus KM Barokah Enterprise yang juga Pengasas Supplier Arnab Terbesar Khozairi Musauwir Mohd Habib, 31, tanggapan ramai orang mengenai daging arnab hanya dinikmati segelintir orang, namun potensi terutama penawaran

bekalan daging bagi produk segar itu belum dapat menampung keperluan pasaran.

"Sejak daging arnab mula diternak secara komersial bermula 90-an lagi, kebanyakan mereka fokus kepada penternakan induk."

"Tidak banyak menyasarkan ternakan bagi tujuan daging. Ladang kami yang beroperasi sejak Januari 2019 di Kampung Rantau Panjang, Klang, Selangor pula menyasarkan 90 peratus hasil penternakan bagi tujuan mendapatkan daging sementara 10 peratus penternakan induk atau baka."

"Atas sebab itu kaedah

DAGING arnab disimpan beku akan dihantar kepada pembekal restoran stik dan salad."



saya ternak arnab ialah dengan menetapkan setiap induk yang ada sekurang-kurangnya boleh melahirkan lima ekor bagi setiap kali beranak. Ia bagi mendapatkan bekalan daging yang konsisten setiap bulan," katanya yang menggunakan baka New Zealand White dan arnab campuran pedaging.

Memperincikan kaedah 'kahwin' arnab, kata Khozairi, teknik itu penting memastikan penternak dapat tingkatkan margin pengeluaran daging setiap bulan dan mengurangkan kos operasi yang kebanyakannya disebabkan kos palet sering naik setiap dua hingga tiga kali setahun.

> 36



BUNTING LAPAN KALI SETAHUN

250 ekor induk arnab dengan kapasiti pengeluaran 700kg daging segar setiap bulan

DARI MUKA 35

"Dalam penternakan haiwan, penternak mempunyai cara tersendiri untuk memastikan mereka dapat tingkatan keuntungan dan mengurangkan kos operasi ladang setiap bulan.

"Pengalaman dan hasil saya berguru dengan beberapa penternak lain, saya wujudkan sistem amalan sendiri iaitu arnab perlu dikahwin secara intensif.

"Selepas sahaja induk ini beranak, saya akan kahwin kembali arnab kemudian dalam tempoh 10 hari atau 14 hari, saya akan periksa semula di bahagian bawah paha haiwan itu jika terdapat ketulan seperti 'biji angin' menandakan ia sudah bunting.

"Jika tidak, saya akan kahwin semula dan kaedah ini membolehkan sekor induk beranak

lapan kali setahun serta induk sama boleh digunakan sehingga dua tahun," katanya.

Ladangnya itu memiliki 200 hingga 250 ekor induk dengan kapasiti pengeluaran 500 hingga 700 kilogram daging segar arnab setiap bulan.

Kata Khoza'iri, yang turut menjalankan kursus penternakan haiwan itu, rutin penjagaan juga iaitu membekalkan makanan mencukupi iaitu 80 hingga 160 gram (gm) palet bagi arnab daging dan induk selain keperluan seperti supplemen disarankan doktor veteriner adalah kos masih boleh diserap dengan keuntungan sebaik daging dituai setiap tiga bulan sekali.

"Di ladang ini rutin pemberian makanan adalah sehari sekali iaitu 80gm bagi arnab bagi daging sementara 160gm untuk induk kerana bantu untuk menyusu anak dan

TURUT belia baka unik Mintra Broken sebab sukakan warna dan bulu baka itu mempunyai tekstur lembut bulu permadani



KHOZAIRI memeriksa sendiri induk arnabnya



SEMELIHAN antara kemahiran dimiliki Khoza'iri

Mengenai daging arnab, walaupun tanggapan orang, pemakan daging arnab tidak ramai, tetapi permintaan untuk membekalkan daging berkenaan cukup tinggi

KHOZAIRI

keperluan lain seperti supplemen.

"Arnab di ladang ini akan disembelih apabila usia mencecah tiga bulan dan saya mempunyai kad Tauliah Sembelihan Halal Komersial untuk melakukan sendiri proses itu. Ini menjimatkan kos operasi," katanya.

Menjelaskan sepanjang tempoh pihaknya membekalkan daging berkenaan, dia mendapati potensi daging itu cukup tinggi terutama dalam produk hiliran.

"Mengenai daging arnab, walaupun tanggapan orang, pemakan daging arnab tidak ramai, tetapi permintaan untuk membekalkan daging berkenaan cukup tinggi.

"Apatah lagi kepelbagaian hasil hiliran boleh diketengahkan pada produk berkenaan. Saya tidak hanya menternak sebaliknya turut menjalankan kerja pemasaran produk daging berasaskan daging arnab," katanya.

Tambah Khoza'iri ketika ini dia dibantu empat adik perempuan dan seorang adik ipar turut mengembangkan lapan pilihan produk hasil daging arnab. Ia termasuk

daging burger yang ketika ini mendapat sambutan dalam kalangan penjual gerai sekitar Klang.

"Dalam produk daging ini kami tidak hanya menjual segar, saya dan pasukan Supplier Arnab Terbesar turut datang dengan pelbagai produk untuk memenuhi sektor makanan kerana kami sedar daging ini antara paling baik untuk kesihatan.

"Selain dijual dalam bentuk kaskas iaitu sekor bagi arnab golek atau salai, ada juga kami datang dalam pakej daging cincang untuk diperap atau direndang dan terkini dalam bentuk 'party' iaitu kepingan daging burger.

"Disebabkan pelbagai seleksi, bukan sahaja saya perlu pastikan pengeluaran daging dalam ladang mencukupi, saya beli daging penternak lain untuk menampung keperluan setiap bulan," katanya.

Pihaknya ketika ini optimis menyasarkan pengeluaran hasil daging satu tan sebulan bagi perancangan untuk penghasilan produk hiliran seperti rendang dan serunding yang ketika ini dalam perancangan syarikatnya.